

**SOALAN NO: 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM MENTERI  
KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :                  BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA :                  YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI**  
**NASARAH [LENGGONG ]**  
**SOALAN :                  :**

**YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Lenggong akan mendapat sebuah pusat hemodialisis.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Pada masa ini, tiada rancangan untuk penubuhan pusat hemodialisis di Lenggong. Bagi pesakit-pesakit dari kawasan Lenggong yang memerlukan rawatan hemodialisis rawatan di terima di Hospital Kuala Kangsar dan Hospital Gerik. Memandangkan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis di seluruh negara semakin meningkat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang memperluaskan kaedah rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)* di kalangan pesakit kegagalan ginjal peringkat akhir. Kaedah rawatan ini adalah berbeza daripada rawatan hemodialisis kerana rawatan CAPD dilakukan dirumah oleh pesakit sendiri. Kaedah ini akan dapat mengurangkan keperluan kemudahan hemodialisis untuk pesakit baru kegagalan ginjal peringkat akhir yang memerlukan rawatan dialisis.